

Karangan Naratif 13

Tulis sebuah cerita mengenai kasih yang tidak kesampaian. Tulis sebuah karangan yang membuat kamu sedar akan peri pentingnya mempunyai pendirian yang teguh.

Introduction

- Conflict
- Suspense Elements

“Dengar sini Adriana! [INCIDENT] Kalau Adriana masih terus berdegil, Adriana akan mati nanti akhirnya!”

“Tidak . . .”

“Tidak! [OBJECT] Lihat ini! Ini semua pengesahannya! Perbuatan Adriana itu merosakkan diri Adriana sendiri!”

“Maafkan Adriana . . .”

“Sudah. Ibu nak lihat selepas ini Adriana berubah. [PERSON] Adriana nampak tak siapa di luar wad itu? Dia di sini sejak semalam. Dia bimbang sekali dengan keadaan Adriana. Kalau Adriana tidak mahu berubah kerana ibu. Berubahlah kerana dia. Dia sangat ambil berat tentang Adriana.”

“Baiklah ibu. Adriana janji . . .”

Mataku meluru memandang sesusuk tubuh yang berdiri di luar wad hospital. Titisan air mata membasahi pipinya yang pucat. Dia sungguh mengambil berat kepadaku. Aku bertekad mulai hari ini aku akan berpendirian teguh. Aku akan berubah.

The Main

Developing Adriana

- Action

Seingat aku, aku gemuk sejak kecil. Ketika itu kegemukan tidak pernah menjadi masalah bagiku. Aku diterima baik dan menarik perhatian semua orang. Masalahnya mula timbul apabila aku mula masuk ke sekolah rendah. Tiada sesiapa yang ingin berkawan dengan aku. Aku dipinggirkan dan sering diejek. [Aksi 1] Sejak saat itu aku sering menyendiri. Aku rasa yang aku tidak layak dijadikan kawan kerana kegemukanku. [Aksi 2] Aku mula menghadkan pemakananku. Rancangan aku supaya aku cepat kurus dan boleh mempunyai kawan. [Aksi 3] Aku bulatkan tekad walaupun banyak rintangan yang harus aku lalui pada awalnya. Berat badanku mula susut. Hanya di Primari 6 aku akhirnya mencapai berat badan yang sesuai dengan ketinggianku. Sedang keluargaku menerima perubahan pada diriku dengan kesyukuran, aku mula berasa ada sesuatu yang tidak kena dengan diri aku. Aku tidak pasti apakah ia.

“Adriana tidak boleh terus menerus makan sedikit ini sahaja.”

“Adriana tidak lapar ibu.”

“Mustahil! Sepanjang petang Adriana berlatih bola jaring pastinya Adriana lapar.”

“Adriana memang tidak lapar ibu.”

“Ibu tahu Adriana takut gemuk lagi bukan? Kerana itu Adriana tidak

- Dialogue